

**MAJLIS SAMBUTAN SISWA SISWI  
(AKUJANJI PELAJAR DIPLOMA) AMBILAN KEDUA  
SEMPENA  
MINGGU SUAIKENAL SIDANG AKADEMIK 2013/2014**

**Teks Ucapan**

**BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

Pada 19 Jun 2013 (Rabu), jam 5.00 petang di Auditorium,  
Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra, UniMAP Pauh Putra.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan  
Salam 1Malaysia.

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib  
Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-Pembantu Pelajar Minggu Suaikenal,

Dan yang dikasihi pelajar-pelajar baru Diploma Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2013/2014.

Selamat Petang, Good Evening, Malai Vannakam, Wan Shang Hao.

### **KATA ALUAN**

1. Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan mengucap syukur kehadrat Allah S.W.T kerana mengizinkan kita berkumpul pada petang yang berbahagia ini dalam Majlis Sambutan Siswa Siswi (AKUJANJI PELAJAR) Diploma sempena Minggu Suaikenal Kemasukan Sidang Akademik 2012/2013. Selamat datang kepada pelajar baru Diploma yang secara rasminya menjadi ahli keluarga UniMAP pada 18 Jun 2013 iaitu semalam.
2. Macamana dengan malam pertama berada di asrama atau kolej kediaman? Saya pasti pelbagai perasaan bermain di benak fikiran anak-anak pelajar tatkala menjejak kaki di asrama. Tambahan pula, ada yang pertama kali tinggal berjauhan daripada keluarga. Tetapi itulah pengorbanan yang terpaksa kita lakukan sekiranya kita inginkan kejayaan yang lebih cemerlang di masa akan datang. InsyaAllah, saya yakin tidak lama lagi anak-anak pelajar akan dapat membiasakan diri dengan keadaan kehidupan di kampus. Sekalung penghargaan buat semua pelajar kerana memilih UniMAP sebagai universiti pilihan anak-anak pelajar. Semoga kita bersama-sama memperolehi keberkatan ilmu di UniMAP.

Para pelajar yang dikasihi,

## **HARAPAN KELUARGA**

3. Sejak dari kecil sehingga ke usia ini, anak-anak pelajar dijaga, dididik oleh ibu bapa anak-anak pelajar bagai menatang minyak yang penuh tanpa meminta apapun sebagai balasan. Namun saya pasti mereka juga mempunyai cita-cita dan harapan setinggi gunung untuk melihat anak-anak pelajar berjaya dalam setiap lapangan yang anak-anak pelajar ceburi. Tatkala anak-anak pelajar menjelak kaki di sini, mereka di rumah menganyam pelbagai impian untuk merasai setiap langkah yang anak-anak pelajar aturkan sepanjang enam semester berada di universiti sebelum menerima skrol Diploma.
4. Walaupun saya tidak dapat bersama-sama anak pelajar sewaktu pendaftaran pelajar semalam, namun saya yakin bahawa ibu dan bapa anak pelajar berasa sangat gembira tatkala menghantar anak-anak pelajar berdaftar di sini. Hal ini kerana, mereka begitu ingin melihat anak-anak pelajar berjaya dan membantu merubah nasib keluarga serta menjadi penyumbang kepada pembangunan negara dan masyarakat. Oleh itu, tunaikanlah hasrat mereka. Apa jua yang kita lakukan dengan mendapat restu daripada ibu bapa kita, In Sha Allah akan mendapat keberkatan daripada Allah swt.

## **SEMANGAT DAN CABARAN PELAJAR**

5. Manakala, hari ini merupakan hari kedua anak-anak pelajar berada di UniMAP. Hari ini juga akan diadakan Majlis Akujanji anak-anak pelajar sebagai pelajar UniMAP. Saya yakin, pada saat dan ketika ini, semangat untuk berjaya dan bergraduat sedang berkobar-kobar dalam diri anak-anak pelajar. Namun, saya juga tertanya-tanya adakah semangat ini akan berkekalan sehingga saat anak-anak pelajar menjelakkan kaki di

pentas untuk bergraduat kelak. Ini kerana, semangat yang berkobar-kobar ini kadang-kala malap dan tidak kurang juga padam setelah beberapa semester mengharungi cabaran hidup di alam kampus.

6. Sebagai pelajar, pastinya tidak akan terlepas dari menghadapi pelbagai dugaan sebelum layak bergelar graduan. Tetapi walau apapun dugaan yang mendarat, apa yang boleh saya nasihatkan – jangan sesekali berputus asa... teruslah gagah mara ke hadapan kerana di hujung jalan yang seakan gelap, beronak, berduri dan bersimpang siur ini, ada hadiah istimewa sedang menanti iaitu segulung diploma dan yang paling teristimewa adalah senyuman manis yang dilemparkan oleh ibu bapa kepada anak-anak kesayangan mereka iaitu anak pelajar sekalian.
  
7. Sekiranya momentum belajar anak-anak pelajar menurun, ingatlah kepada ibu bapa yang bersusah payah menghantar anak-anak pelajar ke sini dengan harapan untuk melihat anak-anak pelajar berjaya. Jangan lupa - dewasa ini semakin ramai pelajar yang memperolehi keputusan cemerlang tetapi ramai antara mereka yang tidak bernasib baik seperti anak-anak pelajar yang berjaya menempatkan diri di menara gading. Hargailah peluang yang terbentang di hadapan anak-anak pelajar dengan sebaiknya. Usahlah leka dan alpa. Berusahalah bersungguh-sungguh dan hadiahkanlah keputusan peperiksaan yang cemerlang di menara gading ini buat ibu bapa anak-anak pelajar nanti.

Para pelajar yang dikasihi,

### **MINGGU SUAI KENAL**

8. Percayalah bahawa minggu ini adalah minggu yang sangat padat untuk para pelajar. Hal ini kerana minggu suaikenal yang direncanakan oleh pihak HEPA penuh dengan pengisian aktiviti yang padat dan bermanfaat

buat anak-anak pelajar. Dan minggu ini adalah sangat penting bagi membantu anak-anak pelajar untuk menyesuaikan diri. Dengan kampus UniMAP yang bersifat teragih – di mana tapak kampus berada di keseluruhan negeri Perlis – mungkin ada yang beranggapan situasi sebegini menyusahkan. Namun, marilah kita hayati pepatah yang berbunyi, ‘bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian’. Jadikanlah realiti kampus bertaburan ini sebagai cabaran untuk lebih berusaha mencapai kecemerlangan.

### **KAMPUS INDUK UniMAP**

- 9. Namun, saya kira anak-anak pelajar bagi kemasukan kali ini adalah lebih beruntung kerana UniMAP secara rasminya telahpun mempunyai Kampus Induk UniMAP yang terletak di Pauh Putra. Walaupun para pelajar belum sempat merasainya lagi, saya percaya Kampus Induk UniMAP akan tetap para pelajar jejaki tidak lama lagi. Untuk makluman Kampus Induk UniMAP telahpun dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohammad Najib Tun Haji Abdul Razak pada 3 Mac 2013 yang lalu dan pusat-pusat pengajian UniMAP sedang berpindah ke kampus Induk secara berfasa dan seperti yang saya katakan tadi, anak-anak pelajar akan lebih merasai kehidupan sebenar di kampus selepas sesi pembelajaran bermula tidak lama lagi.**
- 10. Namun, hari ini sengaja diadakan di Auditorium Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk merasai dan melihat sendiri perpustakaan yang menjadi mercu UniMAP sekarang ini. Saya yakin, tidak ada satu pun perpustakaan di universiti lain yang mampu menandingi perpustakaan yang ada di UniMAP. Oleh itu, anak pelajar adalah bertuah kerana memiliki prasarana yang sebegini lengkap.**

**Manfaatkanlah perpustakaan yang kita bina ini dengan sebaik-baiknya.**

Para pelajar sekalian,

**PERBEZAAN SEKOLAH DAN UNIVERSITI**

11. Ingatlah - sistem pembelajaran di universiti jauh bezanya daripada di sekolah. Jika dahulu anak-anak pelajar ibarat disuap dengan kesenangan dan kemudahan, tapi kini sudah sampai masanya anak-anak pelajar perlu berusaha sendiri. Di universiti, kebanyakan perkara diputuskan oleh pelajar sendiri. Putih dan hitam bergantung kepada pelajar. Dari itu, buatlah keputusan yang mendekatkan diri kepada kejayaan. Berusahalah mencari nota dan maklumat, majukan diri, dan sekali gus wujudkanlah persaingan sihat antara sesama sendiri.
12. UniMAP mempunyai sembilan pusat pengajian dan bagi pengajian peringkat Diploma pula, UniMAP menawarkan 6 program kejuruteraan dengan tempoh masa pengajian adalah 6 semester atau 3 tahun. InsyaAllah selepas tiga tahun ini, anak-anak pelajar boleh memohon terus ke pengajian peringkat Ijazah dan seterusnya.
13. Di hadapan saya sekarang ini adalah pelajar yang telahpun melaporkan diri sebagai warga UniMAP. Walaupun sedikit terlewat berbanding pelajar yang mendaftar pada 2 Jun 2013 lalu, jangan rasa rendah diri atau tertekan dengan situasi sebegini. Perbezaan dua minggu tidak memberi sebarang makna sebenarnya. Namun suka saya ingatkan agar para pelajar dapat memanfaatkan minggu suaikenal ini dengan sebaiknya untuk memahami segala yang diajar atau mengetahui segalanya tentang universiti ini agar para pelajar boleh bergerak seiring dengan rakan-rakan lain.

14. Walaupun sesi pembelajaran telahpun bermula, saya yakin anak-anak pelajar di hadapan saya ini dengan semudah petik jari sahaja akan dapat memahami apa yang diajar. Tetapi, sedikit usaha perlu bagi meningkatkan kefahaman bagi pelajaran yang telah para pelajar tertinggal sebelum ini. Seperti yang saya katakan tadi, jangan rasa tertekan, anggaplah ini sebagai cabaran kecil sebagai mahasiswa. Sekiranya ada usaha, insyaAllah, Allah SWT akan membantu kita.
15. Mungkin anak-anak pelajar tertanya-tanya berapa ramaikah jumlah pelajar baru Diploma UniMAP. Sebagai makluman, pada 2 Jun lalu, UniMAP menerima **seramai 407 pelajar baru Diploma di mana 276 lelaki dan 131 perempuan**. Manakala bagi pendaftaran semalam, kita menerima **58 pelajar dengan komposisi 39 lelaki dan 19 perempuan**. Ini telah menjadikan jumlah pelajar baru Diploma bagi sesi kemasukan 2013/2014 adalah **465 orang**. **Sekali lagi ucapan terima kasih kepada anak pelajar** kerana memilih UniMAP. Berikan tepukan yang gemuruh buat diri para pelajar.

Para pelajar sekalian,

#### **DISTRIBUTED CAMPUS @ KAMPUS TERAGIH DAN KELEBIHANNYA**

16. Seperti yang saya katakan awal tadi, kampus kita ini bersifat teragih ataupun 'distributed campus'. Namun, UniMAP sentiasa inginkan yang terbaik buat para pelajarnya. Bagi memastikan setiap pelajar menikmati keselesaan sepanjang berada di kampus, kemudahan dan prasarana yang baik telah dibangunkan. Umpamanya, perkhidmatan bas berjadual disediakan bagi memastikan pergerakan pelajar ke setiap lokasi kampus tidak terjejas. Selain itu, kemudahan di

kolej kediaman pelajar dipertingkatkan dari masa ke masa bagi memastikan keselesaan dan kualiti penginapan pelajar terjamin.

17. Malah, untuk pengetahuan anak-anak pelajar, makmal-makmal di UniMAP adalah antara yang terbaik di rantau ini. Sebagai contoh, makmal pengajaran fabrikasi semikonduktor, iaitu 'Clean Room' menjadi tarikan industri sehingga ia dijadikan tempat di mana industri menghantar pekerja untuk dilatih dari semasa ke semasa. Anak-anak pelajar nanti akan dibimbing bukan sahaja oleh staf akademik tempatan, tetapi juga dari luar negara termasuk dari Australia, Iraq, Indonesia, Bangladesh, India, Britain, Mynmar, Republik Kyrgyz, Pakistan, dan Jepun. Antara pensyarah anak-anak pelajar, ada yang telah menghasilkan banyak produk penyelidikan yang memenangi pingat di pertandingan peringkat kebangsaan dan antarabangsa, antaranya di Geneva, Warsaw, Nuremberg, Seoul, Brussels dan Pittsburgh.
18. Gabungan prasarana dan sumber manusia yang disediakan UniMAP menghasilkan suasana pembelajaran yang memberangsangkan. Pihak industri memaklumkan bahawa pelajar UniMAP mampu melaksanakan apa jua tugasan yang diberikan semasa menjalani latihan industri. Ini kerana kurikulum kita direkabentuk agar pelajar menjalani pendidikan yang menghasilkan aras pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan mereka tidak perlu dilatih apabila mula bekerja di industri kelak.

#### **KEBOLEHPASARAN GRADUAN UniMAP**

19. Kebanyakan pelajar yang menjalani latihan industri di kilang-kilang atau mana-mana syarikat, menerima tawaran bekerja di syarikat yang sama selepas bergraduat. Syukur alhamdulillah kerana peratusan

kebolehpasaran graduan UniMAP amatlah baik. Ada juga yang ditawarkan pekerjaan sebelum konvokesyen. **Secara purata, peratus kebolehpasaran graduan UniMAP dari tahun 2006 hingga 2012 ialah sekitar 78.34 peratus.** Kebanyakkhan graduan UniMAP bekerja di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR, AGILENT dan banyak lagi. Yang selebihnya dipercayai mencipta kerjaya dalam bidang keusahawanan.

Para pelajar yang dikasihi,

### **BUDAYA UniMAP**

20. Setiap universiti mempunyai budayanya yang tersendiri. Begitu juga di UniMAP. Nilai teras UniMAP ialah ‘ilmu, keikhlasan, kecemerlangan’. Kita percaya ilmu adalah pohon rendang yang akarnya memenuhi dada bumi menjadi tunjang yang teguh bagi menghadapi taufan kejahilan. Orang yang berilmu laksana pohon rendang tempat teduhan sesiapa sahaja. Ilmu adalah peneraju amal yang diamanahkan Tuhan, manakala keikhlasan kepada-Nya mendasari penerokaan ilmu.
21. Kita yakin sekiranya ilmu dan keikhlasan dihayati dan diamalkan dengan cara yang betul, kecemerlangan akan lahir dengan sendirinya. Ada pepatah mengatakan ”Menuntut ilmu biar sampai ke negara China”, membawa maksud tidak kiralah walau sejauh mana pun penghijrahan kita, yang penting adalah demi menuntut ilmu. Walau jauh mana kita melangkah, jangan lupa menadah tangan memanjatkan doa dan tawakkal kepada Allah S.W.T kerana hanya dengan keizinanNya sahajalah, baru dapat kita meraih kejayaan. Hayatilah moto ‘ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan’ seperti yang kita nyanyikan dalam lagu rasmi, ‘WAWASANKU’ sebentar tadi. Lirik lagu ini mempunyai maksud yang mendalam, sejajar dengan falsafah yang kita dukung, iaitu...

**Alam kejuruteraan** – bermaksud UniMAP adalah hub di mana ilmu dibangun dan diperkembangkan untuk manfaat semua.

**Ilmu keikhlasan kecemerlangan** – adalah nilai teras yang kita pegang untuk menjadi warga berminda kelas pertama, sesuai dengan aspirasi kerajaan.

**Wawasan jiwa kita** – bermakna kita bukan setakat faham akan ilmu, keikhlasan dan kecemerlangan secara ilmiah saja, tetapi kita juga menghayati dan menjiwainya.

**Berdikari rohaniah berteknologi** – adalah ciri-ciri yang kita idamkan; kita berdikari zahir dan batin dan menggunakan teknologi agar mampu berada di bahagian terkehadapan bidang ilmu, demi kepentingan masyarakat.

**Pemimpin berbestari** – kita memimpin dan kita juga mengeluarkan graduan bestari yang menjadi pemimpin dalam bidang masing-masing. Bestari bermaksud bijak, pintar, matang, tidak membuat keputusan secara melulu, dan sangat rasional.

**Untuk bangsa, insan, dan umat dunia** – bangsa ialah bangsa Malaysia. Insan ialah manusia, manakala umat menjurus kepada Islam. Dunia merujuk kepada arena antarabangsa.

**Negara yang tercinta** – iaitu Malaysia dan semua masyarakat berbilang kaumnya. Kita mendukung aspirasi kerajaan untuk membangunkan modal insan yang berupaya menyumbang kepada pembangunan Negara dan dunia.

**MISI DAN VISI UniMAP**

22. Misi UniMAP ialah melahirkan modal insan kamil yang menyumbang kepada agenda pembangunan dan daya saing industri negara. Manakala visi UniMAP pula adalah untuk menjadi institusi akademik dan penyelidikan yang berdaya saing di persada antarabangsa. Sebagai pelajar baru, saya harap anak-anak pelajar memahami dan menghayati misi dan visi ini. Belajarlah bersungguh-sungguh untuk menjadi siswazah berkualiti yang dianggap aset berharga Negara. Warnailah kanvas kehidupan bangsa dan gerakkanlah tamadun yang bakal dijulang dengan minda bertransformasi serta pikullah tanggungjawab ini dengan seikhlas-ikhlasnya. InsyaAllah anak-anak pelajar mampu menjadikan bukan sahaja diri dan keluarga, malah bangsa dan Negara yang berprestij. InsyaAllah.

**PERIBADI PELAJAR UniMAP**

23. Jadilah pelajar yang cintakan ilmu, bijak membuat keputusan berasaskan fakta, mampu berbincang dan berdebat dengan rasional, malah mampu berkomunikasi dengan baik, dan rajin membaca. Lihatlah sesuatu isu dengan matang – iaitu, janganlah mudah dipengaruhi oleh orang atau emosi.

24. Janganlah mudah kalah dengan hujah, tetapi jangan pula menegakkan benang yang basah. Beranilah menerokai bidang-bidang baru, dan sentiasalah bersyukur dengan kemudahan yang diberi, termasuk tajaan kewangan yang diterima. Kekalkan jatidiri sebagai bangsa Malaysia yang bermaruah, berbudi pekerti dan beradab sopan, selaras dengan kemurniaan warisan bangsa kita. Letakkan kepentingan Negara dan institusi mengatasinya lain-lainnya.

25. Suburkan semangat untuk berbakti kepada masyarakat -- menjadi jambatan kukuh yang mampu menyebarkan ilmu kepada semua – samada di desa mahupun di kota. Sudah tentu – anak-anak pelajar terlebih dahulu mesti berusaha menjadi ‘role model’ melalui pembentukan sahsiah diri dan budi pekerti yang tinggi serta semangat cintakan ilmu yang mendalam.

Para pelajar yang dikasihi,

### **PROSES PENDIDIKAN DAN PELAJAR**

26. Perlu diingatkan proses pendidikan adalah proses berterusan dan perlu dilakukan secara komprehensif. Kerajinan dan kesungguhan adalah kunci kejayaan sepanjang proses tersebut. Untuk melahirkan mahasiswa kelas pertama, unsur kemahiran dan nilai diadun agar sumber manusia yang bakal mewarnai negara adalah sumber manusia yang mempunyai nilai dalam erti kata sebenar.

27. Untuk mencapai kejayaan dan digeruni di masa hadapan, untuk melahirkan insan yang berkeperibadian unggul dan memiliki kualiti utuh dan menyeluruh, (atau yang digelar sebagai mempunyai ‘towering personality’), maka usaha padu dilakukan dari sekarang. Harapan saya dan UniMAP ialah:

- Pertama, melahirkan graduan yang mendapat CGPA 3.67 ke atas sebanyak 20% dan graduan yang mendapat CGPA 3.0 – 3.66 sebanyak 60%.
- Kedua, melahirkan graduan yang mempunyai daya kepimpinan yang hebat, penguasaan bahasa Inggeris dan bahasa lain yang tinggi, mempunyai keterampilan diri yang menarik dan disayangi oleh ramai pemegang taruh

- Ketiga, melahirkan graduan yang mempunyai minda dan sahsiah kelas pertama.
- Keempat, melibatkan 100% pelajar dalam kegiatan sukan, kerja-kerja amal dan masyarakat.
- Kelima, melibatkan seramai yang mungkin pelajar dalam bidang sukan dan kebudayaan agar kita memenangi lebih 40% pingat yang mana sekurang-kurangnya 8% adalah pingat emas dalam pertandingan sukan antara universiti, dan
- Keenam, melibatkan 5% pelajar dalam aktiviti pengantarabangsaan melalui pertukaran pelajar dalam bidang sukan, kebudayaan dan pertandingan-pertandingan di peringkat antarabangsa seperti bahas, keusahawanan, rekacipta dan lain-lain lagi.

28. Bagi memenuhi harapan ini, saya berharap anak-anak pelajar semua tekadkan usaha untuk menjadi yang terbaik antara yang terbaik. Ingatlah tiada jalan singkat dalam mencapai kejayaan. Ibarat kata pepatah Melayu, yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang.

Seterusnya, saya memperkenalkan barisan Ketua Jabatan Universiti Malaysia Perlis.

1. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin bin Hussin  
Naib Canselor
2. Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. <belum diisi>  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

5. En. Zuber Hj. Mohamad  
Pemangku Pendaftar
6. Pn. Saodah Hassan  
Bendahari
7. Pn. Mazmin Mat Akhir  
Pemangku Ketua Pustakawan
8. Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain  
Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat)
9. Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan Korporat dan Pengurusan Kualiti)
10. Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin  
Dekan Pengurusan Akademik
11. Prof. Dr. Syed Alwee Aljunid Syed Junid  
Dekan  
Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
12. En. Razli Ahmad  
Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
13. Dr. Rizalafande Che Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik
14. Prof. Dr. R Badlishah Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer & Perhubungan
15. Dr. Mohd. Fareq Abd. Malek  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Sistem Elektrik
16. Dr. Khairel Rafezi Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan

17. Prof. Dr. Abdul Hamid Adom  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik
18. Dr. Khairul Azwan Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Pembuatan
19. Dr. Muhammad Syarhabil Ahmad  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bioproses
20. Prof. Madya Dr. Khairul Nizar Ismail  
Dekan  
Pusat Pengajian Kejuruteraan Alam Sekitar
21. Prof. Madya Dr. Hazry Desa  
Dekan  
Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan
22. Prof. Dr. Mohd. Yusoff Mashor  
Dekan  
Pusat Pengajian Siswazah
23. Dr. Huzili Hussin  
Dekan  
Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan
24. Prof. Madya Che Mohd. Ruzaidi Ghazali  
Dekan  
Pusat Kejuruteraan
25. Prof. Madya Dr. Abd. Wahab Jusoh  
Dekan  
Institut Matematik Kejuruteraan
26. Prof. Dr. Uda Hashim  
Pengarah  
Institut Kejuruteraan Nano Elektronik

27. Prof. Madya Dr. Mahmad Nor Jaafar  
Pengarah  
Institut Agroteknologi Lestari
28. Prof. Dr. Harshita Aini Haroon  
Pengarah  
Pusat Bahasa Antarabangsa
29. Prof. Madya Dr. Mohd. Rozailan Mamat @ Ibrahim  
Pengarah  
Pusat Kerjasama Industri
30. Pn. Nor Azizah Hitam  
Pengarah  
Pusat Hal Ehwal Antarabangsa
31. Prof. Madya Mazelan Abdul Hamid  
Pengarah  
Jabatan Pembangunan
32. En. Nor Azmi Hj. Johari  
Pengarah  
Jabatan Keselamatan
33. En. Nasrudin bin Abd. Shukor  
Pengarah  
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi
34. En. Afizal Abu Othman  
Pengarah  
Pusat Sukan/Pengetua Kolej-kolej Kediaman
35. Prof. Madya Dr. Mohammad Iqbal Omar  
Pengarah  
Pusat Kesihatan
36. Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli  
Pengarah  
Pusat Ko-kurikulum

37. Prof. Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Hj. Din  
Pengarah  
Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan dan  
Pengurusan Harta Intelek
38. Ustaz Hassan Arshad  
Pengarah  
Pusat Islam
39. Prof. Dr. Rosnah Ismail  
Pengarah  
Pusat Kaunseling
40. Prof. Madya Dr. Idris Md. Noor  
Pengarah  
Institut Kajian Strategik, Kepimpinan dan Komuniti
41. Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah Adam  
Pengarah  
Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia
42. <belum diisi>  
Pengarah  
Unit Kebudayaan dan Rekreasi
43. Dr. Mohd. Mizan Mohammad Aslam  
Pengarah  
Unit Pembangunan Lestari
44. Prof. Dr. Asiah Sarji  
Pengarah  
Unit Penerbitan
45. Ir. Dr. Anuar Mat Safar  
Pengarah  
Unit Kelayakan dan Akreditasi

46. Prof. Madya Lt. Kol. (B) Azuddin Bahari  
Pengarah  
Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
47. Encik Noor Hasnizam Hanafi  
Pengarah  
Unit Penyelarasaran Program Diploma
48. <Belum Diisi>  
Pengarah  
Unit Multimedia
49. Prof. Madya Dr. Zainab Hamzah  
Pengarah  
Unit Media
50. Prof. Madya Dr. Othman Hashim  
Pengarah  
Unit Audit Dalam
51. Puan Husna 'Afifi Mohd. Yusoff @ Mat Jusoh  
Pengarah  
UniMAP.fm
52. Pn. Ummi Noor Nazahiah Abdullah  
Pengetua Kolej-kolej Kediaman
53. Dr. Midhat Nabil Ahmad Salimi  
Pengetua Kolej-kolej Kediaman